

# Majlis Presiden bukti keterbukaan PM

BH - 20/12/2020 m/s: 8

## Kepentingan rakyat, negara sentiasa jadi keutamaan atasi kepartian

**Oleh Latifah Arifin**  
latifah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penubuhan Majlis Presiden Kerajaan Perikatan Nasional (PN) menunjukkan keterbukaan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang sen-

tiasa meletakkan kepentingan rakyat dan negara sebagai keutamaan, mengatasi kepentingan kepartian.

Ketua Penerangan PN, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata melalui Majlis Presiden Kerajaan PN, semua pihak dapat

menyumbang idea khususnya bagi memperkukuh ekonomi negara dan menangani penularan COVID-19.

“Pandangan dan idea baharu amat diperlukan kerana Belanja-  
wan 2021 yang dibentang dan diluluskan bukan untuk kerajaan, sebaliknya untuk rakyat.

“Baru-baru ini juga diadakan mesyuarat pertama (Majlis Presiden Kerajaan PN) dan ia disambut baik ketua parti kerajaan

PN,” katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Kemasyarakatan Parlimen Gombak di Dewan Persatuan Penduduk AU5D Lembah Keramat di sini, semalam.

Mohamed Azmin yang juga Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, usaha menerusi kerjasama antara semua parti dalam kerajaan PN akan diteruskan demi memperkukuh-

kan lagi perpaduan sedia ada.

Khamis lalu, Setiausaha Agung Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Datuk Seri Hamzah Zainudin, dalam satu kenyataan berkata, ketua parti dalam kerajaan PN bersejutu sebulat suara untuk menubuhkan Majlis Presiden Kerajaan PN bagi membincangkan dasar kerajaan dan mengukuhkan kerjasama antara parti dalam kerajaan.